



Muhyiddin mempengerusikan Mesyuarat **Majlis Sumber Air Negara ke-8** di Putrajaya, semalam.

[FOTO FARIZ ISWADI ISMAIL/BH]

# Negeri setuju tubuh Majlis Sumber Air

» MSANg jadi pusat sehenti bincang, laksana keputusan MSAN

Oleh Haika Khazi

mfaizul@bharian.com.my

Putrajaya

**S**emua negeri bersetuju menubuhkan Majlis Sumber Air Negeri (MSANg) bagi menyelaraskan dan memantau keputusan Majlis Sumber Air Negara (MSAN) di negeri masing-masing.

Perkara itu diputuskan dalam mesyuarat MSAN kelapan dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin di sini, semalam.

Mesyuarat itu turut dihadiri Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri G Palanivel; Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr Maximus Johnity Ongkili, tujuh menteri, semua Menteri Besar dan Ketua Menteri.

Menurut kenyataan media yang dikeluarkan selepas mesyuarat itu, MSANg akan bertindak sebagai pusat sehenti untuk berbincang dan melaksanakan semua keputusan MSAN.

“MSANg juga akan bertanggungjawab menguruskan sumber air negeri secara mampan dan bersepadu de-

ngan mengambil kira pendapat atau saranan pelbagai agensi serta jabatan berkaitan.

## Pantau pencemaran

“Malah, sebarang pelanggaran

“**Sebarang pelanggaran syarat dan pencemaran terhadap sumber air juga akan dapat dipantau dan dikuatkuasakan dengan berkesan”**

**Kenyataan media**

syarat dan pencemaran terhadap sumber air juga akan dapat dipantau dan dikuatkuasakan dengan berkesan,” katanya.

Dalam pada itu, MSAN juga bersetuju Garis Panduan Kawalan Pantai Negara akan digunakan dalam pembangunan kawasan pantai negara bagi memelihara pantai daripada hakisan.

Menurut kenyataan itu, pembangunan pesat di kawasan pesisiran pantai negara menyebabkan gangguan kestabilan ciri-ciri hidrodinamik pantai dan akibatnya 30 peratus daripada garis pantai terhakis sehingga menyebabkan kerugian harta benda awam dan persendirian.

“Garis panduan ini menerangkan secara terperinci keperluan maklumat dan penilaian impak untuk pelbagai pembangunan zon pantai iaitu di hadapan dan di belakang pantai.

“Garis panduan ini juga harus dipatuhi pihak berkuasa tempatan, penggerak projek, perunding dan syarikat swasta sebagai panduan dan pematuan pembangunan di kawasan zon pantai di seluruh negara,” kata kenyataan itu.

## Maklumat geospasial

Di samping itu, mesyuarat MSAN turut membincangkan lapan perkara lain, termasuk panduan pengkalian banjir bagi bangunan di kawasan dataran banjir; pelaksanaan sistem pemintas di rizab sungai untuk mengatasi masalah pencemaran sungai; pemakaian garis panduan pengambilan pasir sungai.

Penyediaan maklumat geospasial punca pencemaran di lembangan sungai; kajian impak kenaikan aras laut di Sandakan; penggunaan air bawah tanah untuk pencegahan kebakaran tanah gambut.

Perwakilan kuasa Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling kepada pegawai Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta penggunaan dan pengurusan air bagi tanaman sawit.